

Tawar RFID di 83 tol

Sistem pembayaran tanpa tunai diperkenalkan awal bulan depan

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Syarikat konsesi lebuhraya Plus Malaysia Bhd (Plus) menawarkan kemudahan pembayaran menggunakan Teknologi Radio Frequency Identification (RFID) di 83 tol sistem tertutup dari Utara ke Selatan termasuk Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bermula 1 April depan.

Pengarah Urusan Plus Datuk Azman Ismail berkata,

selaras dengan visi kerajaan melaksanakan Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF), pelaksanaan RFID di plaza tol sistem tertutup Plus menandakan penyempurnaan ekosistem lebuhraya menggunakan sistem berkenaan sepenuhnya.

“Plus melaksanakan operasi sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya sejak 2017 dan industri lebuhraya mengalu-alukan penggunaan RFID sebagai satu sistem pembayaran tanpa tunai di semua lebuhraya sistem

terbuka pada Ogos 2018.

“Sejak 36 bulan lalu, Plus menyelaraskan sistem RFID bersama Touch ‘n Go, dan ia membawa kepada pelaksanaan di 10 plaza tol sistem terbuka pada 1 Januari lalu. Bermula April depan, seluruh rangkaian lebuhraya Plus me-

nerima pembayaran melalui RFID,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata, pihaknya menjangkakan peningkatan permintaan RFID dalam kalangan 1.7 juta pelanggan lebuhraya harian Plus.

“Dengan tawaran perkhidmatan RFID di Plus, laluan perjalanan yang digunakan pelanggan contohnya dari Plaza Tol Juru ke Damansara kini diperluas

ke bandar seperti KLCC dan juga ke kawasan bandar dan luar bandar seperti Wangsa Maju atau Kajang. Perjalanan akan menjadi lebih lancar kerana laluan lebuhraya dalam dan luar bandar terhubung.

“Pelaksanaan transaksi tol menggunakan teknologi RFID selaras objektif kerajaan memodenkan pembayaran tol dan untuk menambah baik pengalaman perjalanan lebuhraya melalui pengurusan kesesakan di plaza tol serta menggalakkan kelancaran laluan

dalam meneraju MLFF yang akan dilaksanakan pada masa hadapan,” katanya.

Menurutnya, usaha memperluas kegunaan RFID di Lebuhraya Plus selari dengan kehendak dan keperluan pengguna masa kini supaya transaksi tol dilaksanakan dengan mudah tanpa sebarang kerumitan.

“Menerusi RFID, pelanggan lebuhraya tidak perlu lagi berdepan dengan sebarang kesukaran menambah nilai kad Touch ‘n Go mereka,” katanya.

“
Sejak 36 bulan
lalu, Plus
selaraskan sistem
RFID bersama
Touch ‘n Go
Azman